

SYARAT-SYARAT AM DAN KHAS DALAM LESEN

KELAS LESEN	JENIS KENDERAAN	SYARAT-SYARAT	KEKAL	TAMBAHAN	GUGUR	CATATAN
PEMBAWA		<p>SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA</p> <p>(Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk di dalam Seksyen 19 (1) ALPKP 1987)</p> <ol style="list-style-type: none"> Pemegang lesen tidak boleh memberhentikan perkhidmatan di dalam tempoh lesen berkuat kuasa melainkan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Lesen ini hendaklah dibawa di dalam kenderaan pada setiap masa dan hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai Penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian. Pemegang lesen hendaklah memastikan supaya barang-barang letupan, mudah terbakar, merbahaya, mengeluarkan bau busuk yang akan mengakibatkan pencemaran alam sekitar dibawa dengan cara tertentu dan langkah berjaga-jaga hendaklah diambil berhubung dengan pembawaan barang-barang tersebut. Sekiranya cara-cara tertentu untuk membawa barang-barang tersebut ada ditetapkan oleh pihak berkuasa tertentu dan pembawaan barang-barang tersebut memerlukan kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, maka peraturan dan juga kelulusan untuk membawa barang-barang berkenaan didapatkan terlebih dahulu sebelum barang-barang berkenaan dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan. Kenderaan yang dilesenkan hendaklah mematuhi Peruntukan Undang-Undang yang menghadkan penggunaan kenderaan tersebut di jalan-jalan tertentu yang ditetapkan oleh pihak berkuasa mengenai jalan berkenaan. Sekiranya kenderaan ini perlu menggunakan jalan-jalan yang ada sekatan sedemikian, kebenaran pihak berkuasa mengenai jalan berkenaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kenderaan yang dilesenkan oleh menggunakan jalan-jalan tersebut. Sekiranya kenderaan ini dibenarkan untuk membawa ternakan seperti babi, lembu, kuda dan binatang-binatang lain selain daripada ayam dan itik, kenderaan berkenaan hendaklah mematuhi reka bentuk yang ditetapkan mengikut Kaedah-Kaedah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Sekiranya kenderaan ini dibenarkan untuk membawa muatan basah seperti ikan, kenderaan berkenaan hendaklah dipasang dengan penaking air mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Muatan berkenaan hendaklah ditutup sepenuhnya dengan kain tarpolin atau yang seumpamanya. Sekiranya kenderaan yang dilesenkan untuk membawa batu, tanah, pasir, bahan-bahan berderai, kenderaan berkenaan hendaklah mematuhi reka bentuk yang ditetapkan mengikut kaedah-kaedah di bawah Akta pengangkutan Jalan 1987. Muatan berkenaan hendaklah ditutup sepenuhnya dengan kain tarpolin atau yang seumpamanya. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah kedua-dua Akta tersebut serta syarat-syarat lesen, syarat-syarat lesen pembawa dan syarat-syarat tambahan sekiranya ada yang dikenakan ke atas lesen ini dan apa-apa syarat yang lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari masa ke semasa. Kawasan operasi Penggerak Utama/ Penarik dan semi-trailer yang ditarik hendaklah dalam kawasan operasi yang sama. Penggerak Utama / Penarik adalah dibenarkan untuk menarik mana-mana semi-triler/treler kepunyaan pemegang lesen yang sama. Bagi kenderaan tegar (rigid vehicle) ia dibenarkan mana-mana treler kepunyaan pemegang lesen yang sama. Kawasan Operasi Kenderaan tehar dan treler yang ditarik hendaklah kawasan operasi yang sama. Berat Gabungan Kasar (BGK) adalah berat dengan muatan maksima yang dibenarkan ditarik oleh penggerak utama atau penarik. Bagi kombinasi trak dan treler, jumlah berat dengan muatan untuk kedua-dua trak dan treler hendaklah tidak melebihi berta trak dan treler (BTT) yang dibenarkan. Berat dengan muatan (BDM) yang dibenarkan untuk semi-treler adalah termasuk berat penggerak utama/ penarik, semi trailer dan muatan. Bagi kenderaan bersendi (articulated vehicle). Berat dengan muatan yang dibenarkan untuk ditarik oleh penggerak utama/ penarik pada bila-bila masa hendaklah tidak melebihi berat gabungan kasar (BGK) penggerak utama/penarik atau berat dengan muatan (BDM) semi-trailer yang mana lebih rendah. Lembaga boleh membatalkan atau menggantung apa-apa lesen yang diberikan di bawah Akta ini atas alasan bahawa mana-mana perutusan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana syarat lesen telah tidak dipatuhi 	Sebutan 1,2,3,4,5,6,7,9,10,11,12,13,14,15,16	Penyataan merah di sebutan 7 dan sebutan 17	Sebutan 8	<p>Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk di dalam Seksyen 19 (1) ALPKP 1987) dipinda kepada:</p> <p>SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah kedua-dua Akta tersebut serta syarat-syarat lesen, syarat-syarat lesen pembawa dan syarat-syarat tambahan sekiranya ada yang dikenakan ke atas lesen ini dan apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa)</p>
	PEMBAWA	<p>SYARAT-SYARAT KHAS LESEN PEMBAWA A</p>	Sebutan 1,2,3,4	Sebutan 5		

		<p>1. Kenderaan yang dilesenkan sebagai Lesen Pembawa A hendaklah menjalankan perkhidmatan sewa atau upah di dalam kawasan operasi yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan tidak boleh enggan berbuat demikian tanpa sebab yang munasabah. Kadar sewa atau upah hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p> <p>2. Bagi Lesen Pembawa A jenis 'Timber Jinker' hendaklah digunakan untuk membawa kayu balak, kayu bergergaji, papan lapis dan rotan.</p> <p>3. Bagi Lesen Pembawa A jenis 'Pole Trailer' hendaklah digunakan untuk membawa barang-barang panjang yang tidak kurang daripada 12 meter dan tidak boleh dibahagi-bahagikan. Dalam hal ini, kontena dikira sebagai barang-barang yang boleh dibahagikan.</p> <p>4. Bagi Lesen Pembawa A jenis 'Low Loader' hendaklah digunakan untuk membawa jentera dan alat perkakas yang berat, besar dan tinggi yang tidak sesuai dibawa oleh lain-lain jenis lori.</p> <p>5. Bagi Lesen Pembawa A Kontena tidak dibenarkan membawa kayu bergergaji.</p>				
	PEMBAWA C	<p>SYARAT-SYARAT KHAS LESEN PEMBAWA C</p> <p>1. Kenderaan yang dilesenkan sebagai Lesen Pembawa C hendaklah membawa barang-barang kepunyaan pemegang lesen yang diluluskan di dalam kawasan operasi yang diluluskan sahaja.</p>	Sebutan 1			
BAS		<p>SYARAT-SYARAT AM LESEN (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk di dalam Seksyen 19 (1) ALPKP 1987)</p> <p>1. Pemegang lesen tidak boleh memberhentikan perkhidmatan di dalam tempoh lesen berkuat kuasa melainkan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>2. Lesen ini hendaklah dibawa di dalam kenderaan pada setiap masa dan hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai Penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian.</p> <p>3. Bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan adalah tidak melebihi bilangan penumpang yang dinyatakan di lesen ini.</p> <p>4. Kenderaan yang dilesenkan tidak boleh mengambil atau menurunkan penumpang di kawasan-kawasan atau di tempat-tempat yang dilarang di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang berkuatkuasa atau ditempat-tempat yang tidak diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>5. Lesen dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah kedua-dua Akta tersebut serta syarat-syarat lesen dan syarat-syarat tambahan sekiranya ada yang dikenakan ke atas lesen ini dan apa-apa yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari masa ke semasa.</p>	Sebutan 1,2,3,4,6,7,8	Sebutan 9, 10, 11, 12 Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA seperti di catatan	Sebutan 5 Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA seperti di catatan	<p>Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk di dalam Seksyen 19 (1) ALPKP 1987) dipinda kepada:</p> <p>SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah kedua-dua Akta tersebut serta syarat-syarat lesen, syarat-syarat lesen pembawa dan syarat-syarat tambahan sekiranya ada yang dikenakan ke atas lesen ini dan apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa)</p>

	<p>6. "Body marking" dan warna pada badan bas adalah seperi yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>7. Bas-bas dari luar Negara yang memasuki Malaysia dan dibenarkan membawa penumpang adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>8. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah alat pemadam kebakaran, peti perubatan serta tanda larangan merokok.</p> <p>9. Pemegang lesen tidak boleh membuat apa-apa perubahan kepada struktur atau kelengkapan tetap sesuatu kenderaan dibenarkan, selain menggantikan bahagian, tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>10. Pemindahmilikan dan pemajakan lesen adalah tidak dibenarkan.</p> <p>11. Pemegang lesen tidak boleh menggunakan kenderaan untuk menjalankan perniagaan membawa barangan seperti yang telah diperuntukkan kepada perkhidmatan kelas lesen Pembawa.</p> <p>12. Lembaga boleh membatalkan atau menggantung apa-apa lesen yang diberikan di bawah Akta ini atas alasan bahawa mana-mana perutusan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana syarat lesen telah tidak dipatuhi</p>				
BAS BERHENTI-HENTI	<p>(SYARAT-SYARAT KHAS LESEN)</p> <p>1. Bas berhenti-henti hendaklah memberi perkhidmatan daripada tempat permulaan perkhidmatan sehingga ke tempat penghabisan perkhidmatan melalui laluan-laluan yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan</p> <p>2. Bas Berhenti-henti hendaklah memberikan perkhidmatan mengikut jadual waktu perjalanan dan trip yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan melainkan di masa-masa tertentu yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan seperti mana di syarat 3.</p> <p>3. Bas Berhenti-henti adalah dibenarkan untuk menambah trip perjalanan satu minggu sebelum dan satu minggu selepas Hari Raya Puasa Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Krismas. Tambah trip juga dibenarkan pada hari-hari perayaan tersebut. Tambah Trip juga dibenarkan dari pukul 6.00 pagi hingga 9.00 pagi dan dari pukul 4.00 petang hingga 7.00 malam setiap hari. Jumlah trip yang dibenarkan adalah terhad</p> <p>4. Jadual perjalanan dan kadar tambang yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dibawa di dalam kenderaan setiap masa apabila menjalankan perkhidmatan dan hendaklah ditunjukkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian</p> <p>5. Tambang yang dikenakan hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p> <p>6. Bas berhenti-henti tidak dibenarkan menunggu penumpang di setiap perhentian sepanjang laluan yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan melebihi tempoh masa yang ditetapkan.</p>	Sebutan 1,2,3,4,5	Sebutan 6		
BAS MINI	<p>1. Perkhidmatan Bas Mini hendaklah bermula dari tempat permulaan perjalanan hingga ke satu tempat penghabisan perjalanan serta melalui laluan yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan .</p> <p>2. Perkhidmatan Bas Mini hendaklah selewat-lewatnya pukul 6.00 pagi dan menjalankan perkhidmatan secara berterusan dan boleh memberhentikan perkhidmatan seawal-awalnya pukul 12.00 tengah malam tiap-tiap hari.</p> <p>3. Tambang hanya boleh dikenakan sekali sahaja kepada penumpang bagi satu trip perjalanan penumpang tersebut. Satu trip perjalanan penumpang bermaksud perjalanan dari tempat ia bermula menaiki bas sehingga ia tiba ke destinasiya dan turun daripada bas.</p> <p>4. Tambang yang dikenakan hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p>	Sebutan 1,2,3,4			
BAS SEKOLAH	<p>1. Bas Sekolah hendaklah beroperasi di sekitar kawasan operasi yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan</p> <p>2. Kadar tambang yang dikenakan hendaklah mengikut kadar tambang yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa</p>	Sebutan 1,2			
BAS EKSPRES	<p>1. Bas Ekspres hendaklah memberi perkhidmatan daripada tempat permulaan perkhidmatan sehingga ke tempat penghabisan perkhidmatan melalui laluan-laluan yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan .</p> <p>2. Bas Ekspres hendaklah memberikan perkhidmatan mengikut jadual waktu perjalanan dan trip yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan melainkan di masa-masa tertentu yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sepertimana di syarat 4.</p> <p>3. Hanya sebuah kenderaan sahaja yang boleh digunakan bagi satu trip perjalanan bagi satu-satu laluan.</p> <p>4. Bas ekspres adalah dibenarkan untuk menambah trip perjalanan satu minggu selepas Hari Raya Puasa Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Krismas. Tambah trip juga dibenarkan pada hari-hari perayaan tersebut. Tambah trip adalah dibenarkan pada hari cuti persekolahan, pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Jumlah trip yang dibenarkan adalah tidak terhad.</p>	Sebutan 1,2,3,4,6,7	Sebutan 5		

		<p>5. Bas Ekspres yang memulakan perjalanan/ perkhidmatan atau mengakhiri perjalanan/ perkhidmatan di Butterworth adalah dibenarkan untuk menyambung laluan ke Pulau Pinang melalui Jambatan Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, Bas Ekspres yang mempunyai peringkat tambang di Butterworth tetapi tidak memulakan atau mengakhiri perkhidmatan di Butterworth tidak dibenarkan menyambung laluan ke Pulau Pinang</p> <p>6. Jadual Perjalanan dan kadar tambang yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan hendaklah dibawa di dalam kenderaan setiap masa apabila menjalankan perkhidmatan dan hendaklah ditunjukkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian.</p> <p>7. Tambang yang dikenakan hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari masa ke semasa.</p>				
	BAS PEKERJA	<p>1. Penumpang hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja yang sah dari semua sektor.</p> <p>2. Pemegang lesen hendaklah menyediakan senarai penumpang yang terdiri pekerja-pekerja yang berdaftar dengan EPF dan SOCSO</p> <p>3. Bayaran-bayaran adalah berdasarkan perjanjian dan kontrak antara majikan atau pengusaha bas pekerja.</p> <p>4. Bas Pekerja hendaklah beroperasi di kawasan sebagaimana tercatat di dalam lesen.</p> <p>5. Lesen ini tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p>	Sebutan 1,2,3,4,5			
	BAS PENGANTARA	<p>1. Bas Pengantara hendaklah memberi perkhidmatan daripada tempat permulaan perkhidmatan sehingga ke tempat penghabisan perkhidmatan melalui laluan-laluan yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan</p> <p>2. Bas Pengantara hendaklah memberikan perkhidmatan mengikut jadual waktu perjalanan dan trip yang telah diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan melainkan di masa-masa tertentu yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan</p> <p>3. Jadual perjalanan dan kadar tambang yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan hendaklah dibawa di dalam kenderaan setiap masa apabila menjalankan perkhidmatan dan hendaklah ditunjukkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa bila diminta berbuat demikian</p> <p>4. Tambang yang dikenakan hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p>				
TEKSI		<p>SYARAT-SYARAT AM LESEN (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk di dalam Seksyen 19 (1) ALPKP 1987)</p> <p>1. Pemegang lesen tidak boleh memberhentikan perkhidmatan di dalam tempoh lesen berkuat kuasa melainkan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>2. Lesen asal @ pendua yang telah disahkan oleh 2 orang pegawai LPKP, hendaklah dibawa di dalam kenderaan pada setiap masa dan hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai Penguatkuasa apabila diminta berbuat demikian.</p> <p>3. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada Ata Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah yang dibuat dibawah kedua-dua Akta tersebut serta syarat-syarat lesen dan syarat-syarat tambahan sekiranya ada yang dikenakan ke atas lesen ini dan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p> <p>4. Bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan adalah tidak melebihi bilangan penumpang yang dinyatakan di lesen ini.</p> <p>5. Teksi/ kereta sewa yang berdaftar di Negara-negara lain dan dibenarkan ke Malaysia hanya boleh mengambil dan menurunkan penumpang di perhentian teksi / kereta sewa yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>6. Tambang yang dikenakan hendaklah sepertimana yang telah ditetapkan oleh dari semasa ke semasa</p> <p>7. Kad / jadual tambang hendaklah dipamerkan di dalam kenderaan ditempat-tempat yang sesuai dan mudah dilihat.</p> <p>8. Kenderaan yang dilesenkan di bawah nama pemegang lesen perseorangan hendaklah dipandu sendiri oleh pemegang lesen melainkan ada kebenaran bertulis dari Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan membenarkan orang lain memandunya.</p> <p>9. Kenderaan yang dilesenkan di bawah nama perkongsian hendaklah dipandu oleh Ahli-Ahli Perkongsian melainkan ada kebenaran bertulis daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan membenarkan orang lain memandunya.</p> <p>10. Kenderaan yang dilesenkan di bawah nama persatuan dan koperasi hendaklah dipandu oleh Ahli-Ahli Persatuan dan Koperasi berkenaan ataupun dipandu oleh pemandu-pemandu yang digaji/ dilantik oleh persatuan atau koperasi berkenaan.</p> <p>11. Kenderaan yang dilesenkan di bawah nama Syarikat Sendirian Berhad atau hendaklah dipandu oleh pemandu-pemandu yang digaji/dilantik oleh syarikat berkenaan.</p> <p>12. Kad Pemandu hendaklah dipamerkan di dalam kenderaan ditempat-tempat yang sesuai dan mudah dilihat.</p> <p>13. Pemegang lesen tidak boleh membuat apa-apa perubahan kepada struktur atau kelengkapan tetap sesuatu kenderaan dibenarkan, selain menggantikan bahagian, tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>14. Pemindahan dan pemajakan lesen adalah tidak dibenarkan.</p> <p>15. Pemegang lesen tidak boleh menggunakan kenderaan untuk menjalankan perniagaan membawa barangan seperti yang telah diperuntukkan kepada perkhidmatan kelas lesen Pembawa.</p>	Sebutan 1,2,4,5,6,7,8,9,10,11	Sebutan 12, 13, 14, 15, 16, 17 Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA seperti di catatan	Sebutan 3 Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA seperti di catatan	Takrifan SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk di dalam Seksyen 19 (1) ALPKP 1987) dipinda kepada: SYARAT-SYARAT AM LESEN PEMBAWA (Syarat-syarat lesen ini dikenakan sepertimana yang tertakluk kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawah kedua-dua Akta tersebut serta syarat-syarat lesen. syarat-syarat lesen

	<p>16. Kenderaan yang dilesenkan hendaklah disimpan di tempat yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.</p> <p>17. Lembaga boleh membatalkan atau menggantung apa-apa lesen yang diberikan di bawah Akta ini atas alasan bahawa mana-mana perutusan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana syarat lesen telah tidak dipatuhi</p>				
TEKSI	<p>SYARAT-SYARAT KHAS LESEN</p> <p>1. Teksi yang dilesenkan dengan lesen ini hanya boleh beroperasi di dalam kawasan yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sahaja. Sekiranya Teksi perlu keluar dari kawasan yang dibenarkan, pemegang lesen hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan terlebih dahulu atau pihak-pihak yang diwakilkan kuasa iaitu pihak Polis dan JPJ.</p> <p>2. Teksi ini hendaklah sentiasa membawa dan mempamerkan kad pengenalan pemandu, piagam pemandu serta borang pujian dan aduan ditempat-tempat yang mudah dilihat.</p> <p>3. Kadar tambang teksi adalah berdasarkan kepada kadar tambang yang tertera pada meter teksi.</p> <p>4. Kad Pengenalan Pemandu hendaklah dipamerkan di dalam kenderaan d papan pemuka di bahagian hadapan penumpang hadapan dan belakang ke sebelah kiri tempat duduk hadapan, seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.</p>	Sebutan 1,2,3	Sebutan 4		
KERETA SEWA	<p>1. Kereta Sewa ini hendaklah memulakan perkhidmatan daripada pangkalan yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan boleh mengambil atau menurunkan penumpang di sepanjang perjalanan. (kecuali di kawasan yang diisytihat sebagai zon Teksi)</p> <p>2. Kereta sewa hendaklah kembali ke pangkalan yang asal dan bermalam di pangkalan tersebut selepas menjalankan perkhidmatan harian. Walaubagaimanapun, Kereta Sewa boleh menanggungkan kepulangan ke pangkalan asal dan boleh bermalam di luar pangkalan sekiranya Kereta Sewa berkenaan mengalami kerosakan atau tidak sempat balik ke pangkalan pada hari yang sama kerana destinasi terakhir perkhidmatannya terlalu jauh</p>	Sebutan 1, 2			
TEKSI MEWAH	<p>1. Tambang Teksi Mewah yang dikenakan hendaklah mengikut kadar tambang yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p> <p>2. Teksi Mewah hanya dibenarkan untuk dikendalikan dari pangkalan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan tidak berulang-alik untuk disewa di atas mana-mana jalan.</p> <p>3. Teksi Mewah yang didaftarkan di luar Negara dan dibenarkan masuk ke Malaysia hanya boleh membawa warganegara asing yang mula mendapatkan perkhidmatannya dari Negara berkenaan</p>	Sebutan 1,2,3			
TEKSI LAPANGAN TERBANG	<p>1. Tambang Teksi Lapangan yang dikenakan hendaklah mengikut kadar tambang yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari semasa ke semasa.</p> <p>2. Teksi Lapangan Terbang hanya dibenarkan untuk dikendalikan dari pangkalan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan tidak berulang-alik untuk disewa di atas mana-mana jalan.</p>	Sebutan 1,2			
KERETA SEWA PANDU	<p>1. Mempunyai Konsesi perjanjian dengan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Malaysia</p>	Sebutan 1			